

**Keperluan OKU Sentiasa Diambil Kira Di Perpustakaan
Bernama
29 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 29 Mac (Bernama) -- Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) sentiasa mengambil kira keperluan golongan Orang Kurang Upaya (OKU) dalam setiap perancangan pembangunan prasarana perpustakaan serta pelaksanaan program dan aktiviti yang dianjurkan.

Ketua Pengarah PNM Datuk Raslin Abu Bakar berkata PNM komited dalam memastikan kemudahan serta keperluan golongan OKU seperti laluan khas, lif dan tempat letak kereta dapat disediakan bagi membantu mereka bergerak dengan lebih selesa dan selamat semasa berada di situ.

"PNM juga bercadang untuk menambah lagi bahan khusus sama ada yang berformat cetak (Braille), digital seperti Audio Book, Job Access With Speech (JAWS) dan e-Resources untuk golongan tersebut.

"Perkhidmatan penghantaran buku ke tempat mereka juga disediakan sekiranya ada antara mereka yang ingin mendapatkan sesebuah buku dari luar," katanya kepada pemberita selepas menerima lawatan daripada Persatuan Bagi Orang Buta Malaysia (MAB) ke PNM di sini hari ini.

Raslin berkata langkah itu diambil bagi memastikan golongan OKU dapat menambah ilmu pengetahuan secara lebih mudah serta menggalakkan mereka ke PNM.

Penolong Pengurus Unit Penerbitan Braille/Pusat Penyelidikan Perpustakaan MAB Zainuddin Jasmi pula berharap keperluan warga OKU serta bahan bacaan yang sesuai bagi golongan itu sentiasa ditambah.

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=655707>